

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

SOALAN NO. 343

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan:

- (a) adakah Malaysia akan meningkatkan sasaran nasional bagi penggunaan tenaga boleh diperbaharui yang kini diletakkan sebagai 20%, memandangkan negara membangun seperti Jerman mempunyai sasaran setinggi 80% menjelang 2050 ; dan
- (b) apakah cabaran utama yang dihadapi Kementerian dalam meningkatkan peratusan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah menetapkan sasaran kapasiti penjanaan daripada sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB) kepada 20% menjelang tahun 2025, berbanding kadar semasa sebanyak kira-kira 6.2%, dengan mengambil kira faktor-faktor berikut:

- (i) kesan kepada tarif pengguna; dan
- (ii) ketersediaan sumber TBB dan kestabilan operasi sistem grid serta keupayaan sistem grid menerima bekalan tenaga daripada sumber TBB yang tidak konsisten (*intermittent*). Ini bagi memastikan pembekalan elektrik negara kekal berdaya harap, tidak membebankan pengguna serta mampan.

2. Hakikatnya, negara kita masih belum mampu untuk menandingi pencapaian negara-negara maju seperti Jerman dalam penetapan sasaran kapasitas penjaan TBB yang tinggi. Antaran cabaran yang dihadapi adalah seperti berikut:

- (i) Kos penjaan elektrik daripada sumber TBB adalah lebih tinggi berbanding penjaan daripada sumber bahan api fosil yang merupakan sumber utama penjaan elektrik negara. Sebarang peningkatan dalam kos penjaan akan meningkatkan kadar tarif elektrik pengguna yang boleh memberi kesan kepada kos sara hidup rakyat; dan
- (ii) Ketersediaan sistem grid. Kajian yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Tenaga mendapati bahawa kestabilan sistem grid akan terjejas sekiranya peratus TBB dalam campuran bahan api penjaan elektrik mencecah 30%.

Sekian, terima kasih.